



**State Mufti's Office**  
Prime Minister's Office  
Brunei Darussalam

## **REBUT FADHILAT BERZIKIR SELEPAS SEMBAHYANG**

### **(Bahagian Pertama)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

*Zdikrullah* adalah amalan mengingati Allah dan menyebut namaNya dengan bertasbih, bertahmid dan sebagainya sama ada dilakukan dengan hati ataupun dengan lisan. Ia merupakan ibadat yang dituntut melakukannya pada setiap masa. Pelbagai fadhilat dan keutamaan yang dijanjikan Allah kepada hamba-hambaNya yang sentiasa berzikir. Sesiapa yang sentiasa berzikir akan mendapat darjat yang tinggi di sisi Allah *Ta'ala*.

Terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadits Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang menganjurkan supaya banyak berzikir dan menerangkan mengenai kelebihan berzikir ini secara umum. Antara dalil daripada al-Qur'an, firman Allah *Ta'ala*:

أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

(28 : )

**Tafsirnya:** “Ketahuilah dengan dzikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.”

(Surah Ar-Ra'd: 28)

Firman Allah *Ta'ala* lagi:

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ

**Tafsirnya:** “Dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya).”

(Surah Al-‘Ankabut: 45)

Firman Allah *Ta‘ala* lagi:

وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُم مَّغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

(35 : )

**Tafsirnya:** “Dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka sekaliannya keampunan dan pahala yang besar.”

(Surah Al-Ahzab: 35)

Kelebihan dan fadhilat berzikir ini juga disebutkan dalam hadits Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam*, Baginda bersabda:

:

( )

**Maksudnya:** “Allah *Ta‘ala* berfirman: “Adalah Aku (tertakluk) kepada prasangka (baik dan kekuatan keyakinan) hamba-Ku kepadaKu, dan Aku bersamanya ketika (hambaKu) mengingatKu, dan jika (hambaKu itu) mengingatKu dalam dirinya, maka Akupun mengingatinya dalam diriKu, dan apabila (hambaKu itu) mengingatKu dalam satu kumpulan, maka Aku ingat dia dalam satu kumpulan yang lebih baik dari kumpulan itu, dan jika (hambaKu) mendekatiKu sejengkal (dengan menta‘atiKu), maka Aku mendekatinya sehasta dengan (kerahmatan, petunjuk dan pertolonganKu), dan jika (hambaKu) dekat kepadaKu sehasta Aku

*dekat kepadanya sedepa, dan jika (hambaKu) mendatangiKu secara berjalan, maka Aku akan mendatangnya secara berlari (mencurah-curah kerahmatan).”*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Dalam hadits yang lain lagi Baginda bersabda, sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abu Sa‘id al-Khudri *Radhiallahu ‘anhu*:

:

:

:

:

( )

**Maksudnya:** *“Bahawa Rasullullah Shallallahu alaihi wasallam pernah ditanya ibadat apakah yang lebih mulia darjatnya di sisi Allah pada hari Kiamat? Rasullullah menjawab: “Lelaki dan perempuan yang banyak mengingati Allah.” Lalu Abu Sa‘id al-Khudri pun bertanya: “Wahai Rasullullah, bagaimana pula orang yang berperang pada jalan Allah? Rasullullah bersabda: “Walau orang itu memukul orang-orang kafir dan orang-orang musyrik dengan pedangnya sehingga pecah dan berlumuran darah, tetap juga orang yang (banyak) mengingati Allah itu lebih mulia darjatnya.”*

(Hadits riwayat Ahmad)

Bermacam-macam zikir dengan pelbagai fadhilat dan kelebihannya boleh kita amalkan pada setiap masa. Namun antara masa yang baik untuk berzikir itu ialah selepas seseorang itu menunaikan sembahyang. Ketika berzikir selepas sembahyang ini imam disunatkan supaya menghadap ke arah makmum, tetapi yang afdhalnya sebelah kanannya menghadap ke arah makmum dan sebelah kirinya menghadap ke arah kiblat.

Rasullullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri menurut banyak riwayat mengamalkan zikir-zikir tertentu selepas Baginda menunaikan sembahyang. Sebilangan zikir-zikir itu pula diceritakan oleh Baginda akan kelebihan-kelebihannya. Jika begitu kedudukannya, mengapa kita tidak merebut peluang mengikut *sunnah* Baginda duduk seketika selepas menunaikan sembahyang untuk membaca beberapa kalimah zikir dan berdoa di samping meraih fadhilat mengamalkan zikir-zikir itu.

### **Hukum menyaringkan dan memperlahankan suara ketika berzikir**

Berzikir ini boleh saja dilakukan dengan *sirr* (secara senyap tanpa di dengar) atau *jahr* (nyaring, dapat di dengar). Namun para ulama masih berselisih pendapat mengenainya. Ada yang berpendapat ia boleh dilakukan dengan *jahr* dan ada pula yang berpendapat ia hendaklah dilakukan dengan *sirr*. Adapun para sahabat mengikut satu riwayat yang disebutkan oleh al-Qurtubi *Rahimahullahu Ta'ala*, tidaklah menyukai (makruh) menyaringkan suara ketika berzikir.

Untuk menselaraskan pendapat-pendapat itu, maka Imam as-Suyuti *Rahimahullahu Ta'ala* berkata: “*Sesungguhnya (mengadakan majlis zikir dan menyaringkannya di masjid-masjid, serta mengangkat suara ketika bertahlil) tidaklah makruh, kerana telah warid hadis-hadis yang mensunatkan dinyaringkan dan juga hadis-hadis yang mensunatkan disenyapkan. Perbezaan kedua-dua cara ini dapat diselaraskan dengan merujuk kepada perbezaan keadaan di mana zikir itu berlaku dan siapa pelakunya.*”


Tahap *jahr* ialah sekadar ianya boleh di dengar sendiri dan oleh orang yang di samping kita, sementara *sirr* pula ialah sekadar kita sendiri yang mendengarnya tanpa di dengar oleh orang lain.

Mengenai wirid selepas sembahyang pula, menurut Imam Zainuddin al-Malibari *Rahimahullahu Ta'ala* bahawa sunat berzikir dan berdoa (sejurus selesai sembahyang) dengan suara

yang perlahan (*israr*) bagi orang yang bersembahyang seorang diri (*munfarid*), begitulah juga bagi ma'mum.

Namun bagi imam yang bertujuan untuk mengajarkan makmum zikir-zikir selepas sembahyang itu, maka bolehlah bagi imam itu membaca zikir tersebut dengan suara yang jelas (*jahar*).

Namun berzikir dengan meninggikan suara sehingga melampaui batas adalah dilarang. Firman Allah *Ta'ala* di dalam al-Qur'an:

 أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

(55 : )

**Tafsirnya:** “Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendahkan diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”

(Surah al-A'raaf: 55)

Dalam kitab tafsir al-Qurthubi, maksud melampaui batas itu ada bermacam-macam, antaranya ialah berdoa dengan suara yang lebih nyaring atau berteriak-teriak. Maka jelas berdoa dengan cara sedemikian tidak disukai oleh Allah *Ta'ala*.

### **Fadhilat Zikir Selepas Sembahyang**

Terdapat banyak zikir yang dianjurkan mengamalkannya selepas sembahyang, berdasarkan beberapa riwayat yang menyebutkan mengenainya. Oleh itu, sejurus selepas menunaikan sembahyang bolehlah membaca beberapa zikir, antaranya seperti berikut:

- Membaca:

( )

**Maksudnya:** “*Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani, Ya Allah! Hindarkanlah aku daripada kesusahan dan dukacita.*”

(Hadits Riwayat Ibnu as-Sunni)

**Keterangan:** Rasullullah *Shallahu ‘alaihi wasallam* apabila Baginda telah selesai sembahyang, Baginda menyapu dahinya dengan tangan kanannya sambil membaca zikir tersebut.

- Membaca istighfar:

(3 kali).

**Ertinya:** “*Saya memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung.*”

**Keterangan:** Dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* ada menyatakan bahawa sunat memulakan zikir selepas sembahyang itu dengan *istighfar*. Selaras dengan sunnah Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* apabila selesai menunaikan sembahyang Baginda beristighfar sebanyak tiga kali sebagaimana diterangkan dalam sebuah hadits:

· :  
: · :  
·

( )

**Maksudnya:** “*Adalah Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam apabila selesai menunaikan sembahyang, Baginda beristighfar sebanyak tiga kali dan membaca zikir, (*

*)*. Al-Walid (periwayat hadits dari kalangan tabiin) pun berkata: *Aku bertanya kepada al-‘Auza‘i (periwayat hadits dari*

*kalangan tabiin) bagaimana caranya beristighfar? Beliau berkata:  
“Engkau ucaplah ( ).”*

(Hadits riwayat Muslim)

Kelebihan beristighfar ini banyak disebutkan dalam hadits, antaranya:

( )

**Maksudnya:** *“Sesiapa yang sentiasa beristighfar maka Allah akan menjadikan baginya setiap kesempitan itu ada jalan keluar, pada setiap kesusahan ada cara mengatasinya dan memberikannya rezeki daripada sumber yang tidak disangka-sangkanya.”*

(Hadits riwayat Abu Daud)

- Membaca:

**Ertinya:** *“Ya Allah! Engkaulah Yang Maha Sejahtera dan daripadaMu datangnya kesejahteraan, Engkaulah yang Maha Berkat Wahai Tuhan yang mempunyai Keagungan dan Kemuliaan.”*

**Keterangan:** Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam selalu membaca zikir ini ketika selepas sembahyang. Kalimat *as-Salam* adalah merupakan salah satu daripada *al-asma’ al-husna*. Berdoa dengan menggunakan salah satu daripada *al-asma’ al-husna* adalah disuruh oleh Allah Ta‘ala. Dalam al-Qur’an Allah Ta‘ala berfirman:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا

(180 :            )

**Tafsirnya:** *“Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia) maka serulah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu.”*

(Surah al-A‘raaf: 180)

*Bersambung*